

TEKS UCAPAN
BRIG JENERAL DATO PROF DR KAMARUDIN HUSSIN,
NAIB CANSELOR UniMAP
SEMPENA FESTIVAL NASYID KEMERDEKAAN IPT
PERINGKAT KEBANGSAAN 2009/ 1430H
11 OKTOBER 2009
DI DEWAN KAPITOL UniMAP

Bismillah Hirahman Nirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam
Sejahtera

Yang Berbahagia Prof. Dr. Sazali Yaacob, Timbalan Naib
Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan
Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Wakil-wakil IPT

Pegawai-pegawai Utama UniMAP, Dekan-dekan dan Ketua-
ketua Jabatan UniMAP,

Wakil-wakil media, Dan seterusnya hadirin yang dihormati
sekalian.

Good Evening, Wan Aun, Maalai Vanakam, Ma Sa An Khair,
Ra Thri Sawat.

Alhamdulillah, first and foremost, I am most grateful to Allah, the most gracious and most merciful, for His blessings in giving us the opportunity to gather here this evening for the National nasyid Festival among public universities. It is my great pleasure to welcome all of you to UniMAP.

I also would like to thank the organizing committee of this event for their superb drive in making this event a success. Your commitment and cooperation to make this event a success is appreciated. May God bless and reward all of you for it.

Para hadirin sekalian,

Mungkin ramai yang tertanya-tanya, kenapa Festival Nasyid kali ini masih mengekalkan tema kemerdekaan, sedangkan sambutan bulan kemerdekaan sudah berakhir 16 September lalu.

Sebagai rakyat Malaysia semangat kemerdekaan ini tidak seharusnya bersifat bermusim, yang hanya akan muncul bila tibanya bulan kemerdekaan atau apabila negara berdepan dengan ancaman negara luar yang dikatakan ingin mencerooboh kedaulatan negara ini.

Golongan muda kini terlalu selesa dengan kemerdekaan yang baru dikecapi selama 52 tahun dan mungkin ramai yang tidak mengetahui bahawa kita pernah dijajah selama 400 tahun (1511-1957). Kemerdekaan kita kini adalah hasil dari perpaduan semua kaum yang sama-sama berjuang. Sehubungan itu, anak-anak pelajar yang berada dihadapan saya ini haruslah memanfaatkan kemerdekaan dan keamanan yang dimiliki dengan sebaik mungkin.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Penganjuran Festival nasyid ini juga merupakan salah satu medium untuk memupuk semangat jatidiri dan perpaduan dikalangan mahasiswa demi memastikan kemerdekaan ini terus dinikmati anak cucu kita pada masa hadapan.

Seperti yang kita ketahui, nasyid merupakan salah satu medium untuk umat islam berdakwah di samping berhibur. Ia merupakan cabang seni yang bersendikan Islam yang mengandungi lirik yang merangkumi pesanan, ingatan, kisah para nabi, seruan dakwah Islamiah dan meniupkan semangat dalam proses pembangunan, perpaduan bangsa dan negara.

Melalui pertandingan nasyid seperti ini, kita bukan sahaja dapat mencungkil bakat-bakat baru di kalangan Mahasiswa, tetapi ia secara langsung dapat mengeratkan lagi hubungan

yang sedia terjalin di kalangan kita semua, lebih-lebih lagi di bulan Syawal yang mulia ini.

Saya percaya nasyid merupakan salah satu medium berdakwah dan berhibur dan anda sebagai golongan mahasiswa seharusnya menggunakan peluang ini untuk menjadikan nasyid sebagai salah satu cara untuk memupuk semangat perpaduan semua kaum di negara ini. Ini kerana irama nasyid sudah diterima oleh semua kaum bukan sahaja di Malaysia dan Indonesia, tetapi juga negara barat.

Para hadirin sekalian,

Saya berpendapat satu pendekatan perlu diambil agar penciptaan irama nasyid perlu mengikut trend dan kehendak masyarakat agar nasyid boleh tampil dengan imej yang lebih dekat dengan masyarakat terutama sekali golongan remaja .

Penciptaan irama nasyid perlulah selari mengikut peredaran zaman dan kehendak masa kini agar mesej yang terdapat dalam nasyid dapat disampaikan dan diterima oleh semua golongan terutama sekali golongan muda. Harapan saya, pada masa akan datang, para peserta akan lebih kreatif dengan mencipta irama nasyid baru yang untuk terus diterima oleh semua golongan.

Suka saya ingatkan, bahawa fungsi utama nasyid hanyalah untuk membawa manusia kepada Tuhan agar mematuhi perintah dan meninggalkan larangan-Nya. Hanya dengan kembali kepada Allah hati akan mendapat ketenangannya yang hakiki.

Firman Allah: “Orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan "zikrullah". Ketahuilah dengan "zikrullah" itu, tenang tenteramlah hati manusia” – Al Rad, Ayat 28.

Para hadirin sekalian,

Di kesempatan ini, ingin saya berpesan bahawa nawaitu atau niat kita semua memasuki pertandingan ini haruslah jujur, murni dan ikhlas. Bukan kemenangan yang mahu direbut dan dibanggakan, sebaliknya keredhaan dari Allah SWT yang kita cari di bulan yang mulia ini. Bagi kumpulan yang layak ke peringkat akhir pada malam ini saya harapkan anda semua mempamerkan persembahan yang terbaik.

Sebelum mengakhiri ucapan saya pada malam ini, saya ingin sekali berpesan kepada semua meningkatkan perpaduan di kalangan untuk mengecapi kemerdekaan yang berterusan.

Dengan ucapan Bismillah Hirrahman Nirrahim, saya dengan ini merasmikan Penutup Festival Nasyid Kemerdekaan IPT Peringkat Kebangsaan 2009/1430H.

Saya sudahi dengan wabbillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.